

# CABARAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH PEDALAMAN

**MALAYSIA memang kaya dengan kepelbagaian bahasa, malah bahasa Melayu itu sendiri mempunyai kepelbagaian dialek. Kepelbagaian dialek ini, selain menyerlahkan keunikan budaya, sedikit banyak mendatangkan masalah dan cabaran terhadap golongan pendidik Bahasa Melayu, terutama dalam proses pengajaran subjek bahasa itu di kawasan pedalaman.**

PADA hakikatnya, bahasa bukan sahaja divariasikan mengikut bangsa, malah dibezakan menerusi loghat daerah atau kawasan. Hal ini memberikan cabaran berganda dalam usaha mengajar dan menggunakan hanya satu bahasa Melayu standard atau baku dalam kalangan pelajar, terutama pelajar di kawasan pedalaman.

Sudah tentu sebagai pendidik, cabaran atau susah senang ini perlu dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di kawasan pedalaman. Hal ini bagi merealisasikan matlamat negara menjadikan bahasa Melayu dominan dan perkasa dalam semua aspek hidup rakyat sama ada sosial, politik ataupun ekonomi, termasuklah komuniti di kawasan pedalaman.

Cabaran utama pengajaran bahasa di kawasan pedalaman termasuklah mendepani kepelbagaian bahasa dan etnik. Setiap kawasan dan daerah mempunyai keunikan bahasa masing-masing. Memang benar kepelbagaian etnik dan loghat bahasa mengikut negeri, kawasan, dan daerah ini melambangkan identiti sesebuah masyarakat yang

membolehkan seseorang individu dikenali apabila berkomunikasi dengan orang lain. Namun demikian, penggunaannya yang agak meluas, termasuklah ketika mengikuti kelas formal di sekolah, boleh menimbulkan masalah ketika proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu.

Kepelbagaian dialek itu menyebabkan segelintir pelajar tidak tahu menggunakan bahasa Melayu standard. Dari satu sudut lain, kepelbagaian dialek menyukarkan proses pengajaran, lantas memberikan cabaran besar kepada guru untuk melunaskan tanggungjawab mereka dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Contohnya, di kawasan sekolah pedalaman di Gua Musang, Kelantan atau di ceruk hutan negeri Sarawak, cabaran ini sudah sedia dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di semua kawasan terbabit sejak sekian lama, malah terus dihadapi oleh guru dan pelajar bahasa Melayu hingga kini kerana rencah bahasa dan budaya tidak akan banyak berubah.

Inilah antara cabaran guru dalam

usaha penerapan dan penghayatan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar yang memerlukan sikap kental guru di kawasan pedalaman.

Pengajaran Bahasa Melayu di kawasan pedalaman sering berhadapan dengan masalah kepelbagaian dialek. Kepelbagaian dialek atau kerancuan bahasa ini sangat mencabar bagi guru yang mengajar Bahasa Melayu di kawasan tersebut.

Menurut Profesor Dr. Hashim Musa dalam "Sosiolinguistik Lanjutan" terbitan Universiti Putra Malaysia, kerancuan bahasa ialah penggunaan bahasa yang tidak mengikut peraturan sama ada dari segi sintaksis, morfologi, fonologi, kosa kata ataupun istilah yang mengakibatkan kekacauan dan ketidaktekanan dari segi pembentukan ayat, klausa, frasa, ejaan, sebutan, kosa kata dan istilah.

Hal ini sangat memberikan cabaran kepada guru Bahasa Melayu di kawasan pedalaman. Dari satu segi, seperti diungkapkan oleh Siti Khairiah Mohd Zubir menerusi



Kepelbagaian bahasa dialek memberikan cabaran besar untuk mengembangkan bahasa Melayu.

makalahnya "Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa ilmu" dalam *Pelita Bahasa* keluaran Oktober 2012, bahawa seseorang guru Bahasa Melayu sewajarnya menguasai pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan, menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, melonjakkan ilmu pengetahuan murid dengan menggabung jalin kemahiran berbahasa bersama-sama aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pelaporan dan penghasilan produk, serta memupuk semangat cinta akan bahasa Melayu.

Namun demikian, semua keperluan itu, guru Bahasa Melayu di kawasan pedalaman ternyata perlu berhadapan dengan cabaran yang jauh lebih sukar, iaitu masalah kepelbagaian bahasa dialek dalam kalangan pelajar. Cabaran kelainan dialek yang mengganggu proses PdPc biasanya wujud disebabkan pertembungan cara sebutan yang berbeza antara dialek setempat berbanding dengan bahasa Melayu standard.

Apakah itu dialek? *Kamus Dewan* mentakrifkan dialek sebagai loghat, pelat daerah, negeri, daerah dan kawasan sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan oleh sesuatu kelas sosial yang berbeza berbanding dengan bahasa standard.

Sebutan tidak sama yang menghasilkan makna berbeza ini menyebabkan proses PdPc menghadapi masalah. Contohnya dalam kes dialek Kelantan; guru yang bukan penutur dialek Kelantan akan menyebut "tali pinggang", tetapi pelajarinya menyebut "pendin" atau guru menyebut "cangkul" sedangkan pelajarinya menyebutnya, "cok".

Hal serupa perlu dihadapi oleh guru dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Hal ini menjadi lebih ketara kerana di negeri berkenaan, lebih banyak kaum peribumi. Seperti di negeri lain di seluruh negara, pelajar biasanya lebih selesa menggunakan bahasa ibunda mereka di sekolah berbanding dengan bahasa Melayu standard.

Menurut beberapa laporan terdahulu, dalam kebanyakan kes, guru terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk



menyesuaikan diri dan memahami dialek tempatan ini. Keadaan ini tentu mencetuskan pertembungan pemahaman dan salah komunikasi yang ketara antara guru dengan pelajar dan sedikit banyak membantutkan proses pengajaran Bahasa Melayu di kawasan pedalaman.

Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan menerusi "Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia" terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan bahawa untuk mempelajari bahasa Melayu, pelajar mungkin dipengaruhi oleh dialek atau bahasa ibunda mereka. Menurutnya, hal ini dapat dikaitkan dengan masalah dalam bidang fonologi, morfologi, dan sintaksis bahasa yang boleh mengalami percampuran dengan bahasa pertama dan dialek pelajar. Kesannya, akan berlaku percampuran kod, nahu dan sebutan.

Kebanyakan pelajar juga tidak menyedari masalah kesilapan disebabkan percampuran ini. Oleh sebab itu, semua kesilapan ini sering kali berulang dan akhirnya dianggap sebagai perkara yang betul dan biasa tanpa sebarang kejanggaran langsung. Dari sudut lain, memang ada pendapat bahawa bahasa dialek tidak dapat dipisahkan sepenuhnya daripada proses PdPc bahasa Melayu di sekolah pedalaman. Mereka beranggapan PdPc tatabahasa preskriptif ini tidak boleh menyetepikan tatabahasa deskriptif yang dimiliki oleh penutur natif.

Apa-apa pun, natijah pertembungan pemahaman dan salah komunikasi antara guru dengan pelajar tetap menimbulkan masalah dan cabaran bagi guru Bahasa Melayu. Dalam hal ini, guru Bahasa

Melayu sepatutnya tidak menggunakan bahasa rojak atau bahasa rancu ketika sesi PdPc. Namun demikian, masalah timbul kerana sesetengah pelajar tidak memahami bahasa yang digunakan oleh guru, malah lebih menyedihkan, ada sesetengah pelajar tidak dapat bertutur bahasa Melayu secara betul disebabkan pengaruh kuat dan "keterbiasaan yang padu" daripada penggunaan bahasa ibunda atau loghat dialek.

Sudah menjadi kelaziman apabila pertanyaan guru dijawab oleh pelajar dalam bahasa dialek. Inilah hakikat yang berlaku dalam komunikasi pengajaran bahasa Melayu di semua sekolah pedalaman seluruh negara.

Sebenarnya semua ini bertitik tolak daripada proses pemerolehan bahasa. Pakar dan pengkaji bahasa dunia seperti Robert C. Berwick menerusi bukunya, *The Acquisition of Syntactic Knowledge* terbitan MIT Press menjelaskan bahawa penguasaan bahasa pertama dan kedua amat berbeza.

Menurutnya, penguasaan bahasa pertama adalah melalui pemerolehan, iaitu proses semula jadi yang membabitkan keadaan mental bawah sedar dan tidak dirancang sebagaimana ketika bayi memperoleh bahasa ibundanya. Sebaliknya, penguasaan bahasa kedua pula diperoleh dalam bentuk pembelajaran bahasa baharu yang dirancang secara sengaja dan sedar.

Dalam konteks inilah proses pemerolehan bahasa sejak awal usia dengan memperkenalkan bahasa kebangsaan yang standard kepada anak

sebagai latihan bertutur menjadi sangat penting. Jika tidak, kesannya ketara apabila umur pelajar meningkat dan mereka sukar menyerap terima bahasa kebangsaan yang standard, walaupun ketika proses pembelajaran bahasa di bilik darjah. Kemungkinan lidah mereka sudah pelat kerana berkomunikasi dalam bahasa dialek sejak awal usia. Hal ini diburukkan lagi oleh kewujudan bahasa slanga yang digunakan secara meluas dalam kalangan pelajar di kawasan pedalaman.

Bahasa slanga pula merujuk bahasa tidak rasmi yang menggunakan kosa kata tidak baku, tidak standard, berubah-ubah dan secara umum berbeza daripada kosa kata bahasa standard. *Kamus Dewan* memberikan definisi bahasa slanga sebagai kata-kata, ungkapan dan seumpamanya yang tidak tergolong dalam bahasa baku atau bahasa tinggi, tetapi lazimnya digunakan dalam percakapan tidak rasmi.

Bahasa slanga yang sering digunakan oleh kelompok sosial tertentu, terutama remaja untuk berkomunikasi sesama mereka, biasanya difahami oleh kelompok tertentu sahaja.

Dalam konteks PdPc Bahasa Melayu di sekolah kawasan pedalaman, ternyata kewujudan bahasa slanga turut memberikan masalah dan cabaran. Penggunaan bahasa ini mempengaruhi cara penulisan pelajar dari aspek ejaan, susunan ayat dan tatabahasa.

Kecenderungan pelajar menulis menggunakan bahasa slanga atau ejaan ringkas sangat tinggi. Penulisan ini turut dipengaruhi oleh "kebiasaan berbahasa remeh" yang banyak dimuatkan dalam laman media sosial, seperti Facebook, WhatsApp dan Twitter.

Natijahnya, ada kecenderungan dalam kalangan pelajar untuk menghindari penggunaan bahasa yang dianggap menyusahkan diri mereka, termasuk menggunakan bahasa standard dalam pertuturan dan penulisan.

Keadaan ini diburukkan lagi oleh sikap segelintir ibu bapa yang tidak banyak membantu untuk menyerap asas pendidikan bahasa sejak awal usia kanak-kanak ketika berada di rumah. Semua ini menjadi antara cabaran yang perlu

ditempuhi oleh guru Bahasa Melayu di kawasan pedalaman sejak dulu hingga kini yang tampak seolah-olah tiada penyelesaian.

Selain guru, kewujudan kepelbagaian dialek dan bahasa slanga di kawasan pedalaman menyebabkan pelajar sukar menghadapi proses PdPc bahasa. Ternyata, pelajar yang menjadi penutur natif bahasa Melayu telah terbiasa dengan tatabahasa tidak formal sejak awal usia di rumah. Apabila pelajar melalui proses pendidikan formal di sekolah, mereka akan diajar tentang tatabahasa standard bahasa Melayu. Keadaan ini menimbulkan suasana yang tidak selesa dan memberikan cabaran baharu kepada pelajar untuk memahami pelajaran tersebut.

Masalah ini sebenarnya bermula jauh lebih awal menerusi pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak secara automatik yang ditentukan oleh latar belakang keluarga. Contohnya, jika pelajar berkenaan dilahirkan dalam keluarga dari Kelantan, Kedah atau Terengganu, maka bahasa pertama yang dipelajari oleh pelajar berkenaan ialah sama ada dialek Kelantan, Kedah atau Terengganu.

Apabila pelajar terbabit sudah terbiasa menggunakan dialek ketiga-tiga negeri tersebut misalnya, sebagai bahasa komunikasi rutin harian di rumah, mereka begitu fasih dan menguasai dialek berkenaan sehingga sukar menggunakan bahasa standard untuk berkomunikasi dengan komuniti lain. Keadaan ini memberikan kesan ketara terhadap proses pemerolehan bahasa kedua yang akan dipelajari oleh pelajar terbabit apabila mereka berada di sekolah.

Hal ini sebenarnya bukan sahaja berlaku dalam kalangan pelajar penutur dialek Melayu, malah pelajar bukan Melayu juga. Pengaruh bahasa dialek atau loghat yang sangat berbeza dari aspek sintaksis menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mereka berkomunikasi menggunakan bahasa standard.

Pada hakikatnya, pelajar pedalaman masih mampu bertutur dalam bahasa standard. Namun demikian, penyusunan ayat dan penggunaan perbendaharaan kata untuk komunikasi bahasa Melayu menjadi

agak lemah disebabkan mereka sudah lama terbiasa menggunakan dialek negeri.

Faktor persekitaran tempatan, peranan ibu bapa, dan rakan sebaya setempat memburukkan lagi keadaan ini sehingga menjadi cabaran besar bagi pelajar yang mula didedahkan dengan pembelajaran bahasa Melayu standard di sekolah.

Keadaan ini diburukkan lagi jika ada sikap negatif masyarakat yang memperlekehkan dan mengambil mudah fungsi bahasa Melayu standard yang boleh merencatkan minat pelajar untuk mempelajari dan menguasai bahasa ini. Sebagaimana dijelaskan oleh Abdul Hamid Mahmood menerusi buku *Guru dan Bahasa Melayu* terbitan Media Printext Sdn Bhd, ini sedikit banyak mengganggu proses pembelajaran bahasa Melayu. Menurutnya, sikap pelajar yang mengangap bahasa Melayu sebagai mudah kerana digunakan dalam perhubungan harian mempengaruhi ketidakcekapan berbahasa standard dalam kalangan mereka.

Cabaran lain yang perlu dihadapi oleh pelajar pedalaman dalam proses PdPc Bahasa Melayu ialah tahap penguasaan kosa kata yang lemah. Memang wujud pelajar di kawasan pedalaman yang mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu. Namun begitu, mereka sukar memilih perkataan yang sesuai untuk diungkapkan atau ditulis disebabkan oleh pengaruh dialek yang terlalu kuat.

Ternyata cabaran yang perlu ditempuhi oleh guru dan pelajar dalam PdPc bahasa di pedalaman masih berterusan dan mungkin belum ada penyelesaiannya. Walau bagaimanapun, usaha perlu diteruskan oleh semua pihak untuk meminimumkan cabaran berkenaan dari semasa ke semasa untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. **PB**

